

# KPM akan terus pelbagaikan usaha sebarluas peluang pelajar ke universiti awam: Jonathan

NSJ 6.9.2019 5

RANAU: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), akan terus mempelbagaikan usaha menyebarkan peluang pelajar ke universiti awam (UA) di negara ini.

Peluang-peluang yang disediakan itu termasuklah Pendidikan Teknikal, dan Latihan Vokasional yang ditawarkan ke Kolej Komuniti, Politeknik dan latihan kemahiran di Institut Latihan Kementerian (ILKA) serta kemudahan pembiayaan pendidikan yang disediakan kerajaan ke daerah-daerah luar bandar.

Usaha seumpamanya juga menjadi platform JPT mendidik dan memupuk kesedaran dalam kalangan pelajar (pemohon) dan masyarakat awam mengenai pelaksanaan permohonan kemasukan ke Kolej Komuniti, Politeknik dan ILKA melalui Aplikasi Dalam Talian sebagai kesinambungan daripada program 'Jom Masuk 'U' tahun ini yang mempunyai lokasi yang terhad.

Ahli Parlimen Ranau, Jonathan Yasin ketika berucap merasmikan Program Sentuhan Kasih anjuran JPT di Dewan Masyarakat Ranau baru ini, memuji penganjur dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Majlis Guru Kaunseling Daerah Ranau (MGKDR) kerana berganding bahu melaksanakan program yang amat penting itu, sebagai memberi peluang kepada para pelajar khususnya dari daerah Ranau untuk mengetahui peluang-peluang yang ada untuk memohon ke universiti awam.

Jonathan yang juga Pengerusi Lembaga Koko Malaysia (LKM) menegaskan program seumpamanya itu amat sinonim dengan gagasan Menteri pendidikan sendiri iaitu sekolah untuk komuniti dan universiti untuk masyarakat dan melaluinya KPM 'turun padang' memberi informasi berkaitan peluang-peluang ke peringkat yang lebih tinggi akan menjadi lebih efektif dan lancar kerana disampaikan secara langsung kepada akar umbi terutama pelajar luar bandar.

"Program seperti ini juga selaras dengan



**CENDERA HATI...Jonathan (kiri) menerima Cenderahati disampaikan Fitri Yakub mewakili UTM.**

konsep mengutamakan tiga nilai dan budaya teras yang kita bina bersama iaitu cinta atau kasih sayang, kegembiraan atau kebahagiaan dan saling menghormati", jelasnya.

Jonathan merakam penghargaan kepada pihak penganjur kerana memilih daerah Ranau sebagai destinasi program Sentuhan Kasih JPT 2019, yang bukan sahaja memupuk kesedaran masyarakat mengenai institusi yang menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat dengan kaedah berbeza daripada pendidikan formal malah mampu mendidik dan memupuk kesedaran dalam kalangan pemohon dan masyarakat B40 mengenai pelaksanaan permohonan ke UA.

Menurutnya data menunjukkan daripada 11 Sekolah Menengah di Ranau terdapat seramai 1,550 calon yang menduduki peperiksaan SPM pada tahun ini dan jumlah itu belum termasuk pelajar di peringkat Pra-U atau STPM 2019 yang juga menjangkau ratusan calon.

"Program yang diadakan pada hari ini, amat signifikan dengan mereka, termasuk Kota Belud, Telupid dan Kota Marudu malah seluruh daerah di Sabah yang turut mempunyai ribuan calon SPM dan STPM

yang bakal melanjutkan pengajian di pelbagai institusi pada masa akan datang.

"Saya mengingatkan bahawa kesedaran dan perubahan perlu bermula di peringkat rumah (keluarga) terutama ibu bapa dan komuniti secara keseluruhannya. Jika mahu perubahan hidup sosio ekonomi, jati diri, peradaban dan ketamadunan bangsa maka pendidikanlah ramuan utamanya. 'Kalau Malas Belajar Jangan Makan'", tegas Jonathan.

Berucap sama ialah Pengarah Bahagian Kemasukan Pelajar IPTA Jabatan Pendidikan Tinggi Kementerian Malaysia, Wahi Bin Nurdin. Manakala turut hadir ialah Pengarah Pendidikan Negeri Sabah, Dr. Mistirine Radin, Pegawai Pendidikan Daerah Ranau, Siti Hamni Binti Hashim, Pegawai Daerah Ranau, Mohd. Yasin Bin Ibrahim, para Pengetua, Guru-Guru Besar, para Penolong Pegawai Pendidikan Pejabat Pendidikan Daerah Ranau, Kota Belud, Telupid dan Kota Marudu bersama ribuan pelajar dan ibu bapa diserikan dengan persembahan Tarian Kreatif oleh pelajar SMK Ranau.

Turut diadakan ialah pameran oleh Institut pengajian tinggi awam di Malaysia.